

10/03/2000

Ramai yakin Malaysia mampu capai matlamat

KUALA LUMPUR, Khamis - Ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Persidangan Pengetahuan Global Kedua (GKII) semalam apabila beliau menggariskan usaha Malaysia untuk bergerak lebih maju dalam era maklumat, menarik perhatian peserta persidangan.

Pegawai dari Kementerian Penerangan Nigeria, Ibukun Odusote berkata rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan masyarakat harus membantu Dr Mahathir mencapai matlamat itu.

Beliau berkata pendekatan Malaysia hendaklah dicontohi oleh negara membangun yang lain dan menolak andaian bahawa apa yang disuarakan Dr Mahathir adalah terlalu tinggi bagi Malaysia.

"Beliau bukan bercakap dari sudut politik...tetapi atas hasratnya untuk melihat Malaysia maju dalam era teknologi maklumat (IT)," kata beliau di sini, hari ini.

Dr Mahathir, antara lain, berkata Malaysia sekarang bersedia untuk mengambil langkah kedua ke era maklumat dengan mengamalkan "Strategic Initiative One" untuk membangunkan semula perbadanan Malaysia dan masyarakat melalui pelan induk k-ekonomi.

Beliau juga menggesa lebih 1,200 peserta dari seluruh dunia menerima perubahan dan melaksanakan inovasi ke arah era maklumat, pengetahuan dan kebijaksanaan.

Odusote berkata dalam konteks pembangunan IT di negaranya, kesungguhan politik menimbulkan masalah.

"Tetapi kita dapat keluar dari masalah ini dan menuju ke arah demokrasi," kata beliau.

Pengarah urusan Telecommunications Executive Management Institute of Canada Pierre Derome berkata pembaikan dan perubahan hanya akan berlaku jika mereka di tempat teratas mempunyai motivasi untuk berbuat demikian.

"Saya sudah melawat banyak negara dan saya tidak pernah menyaksikan kemajuan berterusan seperti di negara ini. Ini perkembangan baik bagi Malaysia," katanya.

(END)